

01 FEB 1999

Azhar - Persiapan

AZHAR BERAZAM UNTUK TIDAK KECEWAKAN NEGARA

LANGKAWI, 1 Feb (Bernama) -- Pelaut Azhar Mansor yang kini membuat persiapan terakhir sebelum memulakan pelayaran solonya mengelilingi dunia menggunakan kapal layar esok, berazam untuk tidak mengecewakan negara.

Azhar yang akan menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-41 pada 11 Feb ini berharap rakyat Malaysia mendoakan kejayaannya sebagaimana mereka memberi sokongan terhadap usahanya.

Katanya, beliau mengambil masa selama dua setengah tahun untuk melakukan persiapan bagi menjayakan cita-citanya termasuk mengadakan penyelidikan mengenai laluan baru yang bakal ditempuhinya.

"Memiliki kapal layar dan mendapat sokongan banyak pihak bukan lagi merupakan kejayaan. Kejayaan sebenar hanya dicapai selepas saya mengharungi cabaran di lautan dan selamat pulang ke Langkawi pada Mei ini," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan pelayaran solo dengan kapal layar "Jalur Gemilang" berharga RM1.8 juta itu di Awana Porto Malai petang esok.

Banyak anggota keluarga Azhar kini berada di Tanjong Malai untuk mengucapkan selamat jalan kepadanya, yang bakal mencatat sejarah negara dengan melakukan pelayaran solo sejauh 40,000 kilometer mulai petang esok.

Antara yang sentiasa berada bersamanya ialah ayahnya, Mansor Saad, 70, yang memberi dorongan dan semangat kepadanya.

Azhar telah menerima tauliah daripada "World Sailing Speed Record Council" (WSRC) untuk pelayaran yang mencabar di laluan yang pertama kali digunakan itu.

Beliau adalah pelaut pertama yang memulakan pelayaran di Lautan Hindi, berbanding percubaan-percubaan yang dilakukan oleh pelayar lain sebelum ini yang bermula di Lautan Atlantik.

Azhar yang berpengalaman berkhidmat dengan kapal-kapal dagang, akan membawa bersamanya sebanyak 2 tan makanan termasuk makanan dalam tin dan makanan segera bagi memastikan pelayaran solo tanpa henti itu berjalan lancar.

Azhar dijangka menamatkan pelayaran mengelilingi dunia itu dalam tempoh antara 100 dan 130 hari.

Malam tadi, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim turut mengunjungi Azhar dan menyampaikan sumbangan peribadinya sebanyak RM10,000.

Sambil berbangga kerana Azhar bukan sahaja bakal mengharumkan nama negara dalam bidang pelayaran malah akan turut mengharumkan nama Perlis sebagai negeri kelahirannya.

Shahidan yang juga peminat sukan air berkata, beliau telah lama bercita-cita untuk belayar mengelilingi dunia tetapi bangga kerana Azhar telah mendahuluinya.

Sementara itu, Mansor yang ditemui BERNAMA berharap anak keempat daripada enam adik beradik itu dilindungi Allah sepanjang misi mengharumkan nama negara itu.

Bagaimanapun, Mansor, bekas Yang Dipertua Majlis Bandaran Kangar (MBK) itu yakin dengan kebolehan Azhar yang berpengalaman sebagai pelaut sejak lebih 20 tahun lalu untuk menghadapi cabaran itu.

Azhar yang dilahirkan di Padang Katong, Kangar memulakan pendidikan awal di Kangar English School (kini Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera) dan meneruskan pengajiannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar sebelum melanjutkan pelajaran di Politeknik Singapura, di peringkat ijazah, dalam bidang pengajian laut.

-- BERNAMA
AD/NH RI